

TUA DIHORMATI MUDA DIKASIHI

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّابِيْتِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُحِلِّ
كَبِيرَنَا، وَيَرْحَمْ صَغِيرَنَا، وَيَعْرِفْ لِعَالَمِنَا

Daripada 'Ubudah bin as-Somit, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

"Bukan daripada umatku orang yang tidak menghormati orang tua, tidak mengasihi orang yang lebih muda, dan tidak mengiktiraf hak orang alim dalam kalangan kami."

(Hadis Riwayat Imam Ahmad, no. 22755: Sahih Lighairih)

Adab dan akhlak merupakan elemen yang penting dalam membentuk karakter insani setiap manusia, lebih-lebih lagi manusia merupakan sebaik-baik makhluk ciptaan Allah *Subhanahu wata'ala* sepertimana firman-Nya:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)."

(Surah at-Tin 95:4)

Oleh yang demikian, setiap manusia mesti meletakkan nilai adab dan akhlak yang baik sepertimana yang ditunjukkan oleh junjungan kita Sayyidina Muhamad *Sallallahu 'alaihi wasallam* di dalam sunnahnya agar kita mengamalkan dalam setiap aspek muamalah kehidupan kita sesama makhluk. Hadis ini menerangkan kepada kita agar menanam nilai sikap saling menghormati di antara satu sama lain walaupun berbeza usia, yang tua dihormati yang muda dikasihi.

Maksud menghormati orang tua ialah mengetahui pemberian hak-hak mereka seperti memuliakan, berbudi bahasa, tidak berkata dengan kata-kata yang

kesat, merendah diri, memberi bantuan kepada mereka dan banyak lagi. Mungkin ada dalam kalangan kita tidak prihatin akan perkara yang disebutkan, sama ada dari segi komunikasi terhadap orang yang lebih tua atau dalam muamalah sehingga mereka merasa perlu berhati-hati untuk bermuamalah kepada mereka yang lebih muda. Penting untuk kita mengambil perhatian yang sangat tinggi untuk menjaga tingkah laku, akhlak dan adab kita ketika bermuamalah kepada orang yang lebih tua atau dewasa daripada kita agar tidak mengurangkan rasa hormat kepada mereka kerana ia merupakan sunnah Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*.

Terdapat beberapa cara untuk menghormati orang tua sesuai dengan saranan yang diadaptasi daripada Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam* ketika berjumpa dan memberi layanan terhadap orang mengikut usia, antaranya ialah:

- 1. Mendahulukan orang yang lebih tua dalam apa jua perkara.**

Mendahulukan mereka di saf hadapan ke atas orang yang muda ketika solat berjemaah, mendahulukan mereka dalam memulakan perbicaraan dan begitu juga dalam mengambil makanan.

- 2. Mempunyai rasa malu kepada yang lebih dewasa.**

Sifat malu itu diciptakan untuk meninggalkan perkara yang tidak baik, menghalang kecuaian dalam memberi hak kepada orang yang lebih dewasa atau mengelak daripada memberi hak yang seharusnya kepada mereka.

- 3. Berdiri apabila orang yang lebih dewasa hadir.**

Daripada ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha berkata: “Aku tidak pernah melihat seorang yang menyerupai seperti Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dari segi ucapan dan perbualan melainkan Fathimah. Apabila Fathimah datang kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, baginda lalu berdiri, mengalu-alukan kedatangannya dan mencium serta memberi tempat duduk baginda kepadanya. Apabila Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam datang kepada Fathimah, dia lalu berdiri, mengalu-alu

kedatangan baginda, mencium serta memberi tempat duduknya kepada baginda..."

(Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad, no. 976: Sahih)

4. Mengiktiraf dan melayan orang yang lebih tua dengan kedudukan serta penghormatan yang sesuai dengan martabatnya.

Rasulullah Salllallahu ‘alaihi wasallam bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya termasuk dalam kategori menta’zimkan Allah Subhanahu wata’ala ialah memuliakan orang Muslim yang lebih tua, penghafaz al-Quran yang tidak melampaui batas dan cuai dalam hafalan serta pemimpin yang adil.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 4843, Hasan)

Berkata Thawus: Termasuk dalam sunnah ialah menghormati empat golongan iaitu para ulama, orang tua, pemimpin dan kedua-dua orang tua.

(Syarah al-Baghawi 13/27)

Daripada Umar bin ‘Abasah bahawa Rasulullah Salllallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Siapa yang berjuang di jalan Allah pada usia muda sehingga tua, dia akan mendapat cahaya wajah di hari kiamat kelak”.

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 1635: Sahih)

5. Mengasihi anak kecil.

Abu Qatadah al-Ansari berkata: Aku melihat Rasulullah Salllallahu ‘alaihi wasallam mengimami solat dan Umamah binti Abi al-‘Ash iaitu anak perempuan Zainab binti Nabi Salllallahu ‘alaihi wasallam di bahunya. Apabila rukuk, baginda meletakkannya ke bawah dan apabila kembali berdiri baginda meletakkannya semula ke bahunya.

(Hadis Riwayat Muslim, no. 543)

Menurut Ibn Battal, antara amalan yang mendapat keredhaan serta ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa ta'ala* ialah menyayangi, memeluk, mencium dan berlemah lembut terhadap golongan yang lebih muda. Amalan ini sejajar dengan sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*: "*Sesiapa yang tidak mengasihi, maka dia tidak akan dikasihi.*" Hadis ini menjadi dalil bahawa mencium dan menggendong anak kecil merupakan tanda kasih sayang antara golongan yang lebih tua terhadap yang lebih muda. Perkara ini dapat dilihat dalam peristiwa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* menggendong Umamah *Radhiyallahu 'anha* sewaktu Baginda menunaikan solat, yang mencerminkan sifat kasih dan kelembutan Baginda terhadap anak-anak kecil. Perintah pelaksanaan solat merupakan sebaik-baik amal di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* dan dalam masa yang sama Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* memerintahkan kepada kita agar sentiasa berada dalam keadaan khusyuk ketika mendirikan solat. Perbuatan mengendong anak kecil dalam solat yang disebut dalam hadis ini tidaklah menjelaskan khusyuk sama sekali dan ingatlah bahawa perbuatan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* itu adalah sebaik-baik teladan serta sebagai tanda belas kasih kepada anak kecil.

Menghormati Ulama

Menghormati ulama merupakan perbuatan dan sifat yang terpuji dalam Islam. Hal ini disebut di dalam al-Quran bahawa Allah *Subhanahu wata'ala* sangat memuliakan ulama sebagaimana firman-Nya:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: ...katakanlah (kepadanya), adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya hanya orang yang berakal sempurna yang dapat menerima pengajaran dan peringatan.

(Surah az-Zumar 39:9)

Firman Allah Subhanahu wata'ala

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: "...nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu (dalam kalangan kamu) beberapa darjat."

(Surah al-Mujadilah 58:11)

Firman Allah Subhanahu wata'ala lagi:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: "Sebenarnya, yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dalam kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu."

(Surah Fathir 35:28)


Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sangat mengagungkan ilmu dan ulama. Sabda Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud: "Siapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu Allah akan permudahkan perjalanannya ke syurga. Sesungguhnya para malaikat merendahkan sayapnya sebagai tanda redha kepada penuntut ilmu, langit dan bumi termasuk ikan di dalam air memohon keampunan kepada Allah untuk seorang ulama. Sesungguhnya perumpamaan seorang ulama dengan seorang hamba ialah seperti keindahan bulan purnama di malam hari berbanding bintang-bintang di langit. Sesungguhnya ulama warisan para nabi dan sesungguhnya para nabi tidak mewariskan wang dinar dan dirham, tetapi mereka mewariskan ilmu. Oleh itu siapa yang mengambil ilmu itu maka dia telah mengambil bahagian yang banyak."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah no. 223: Sahih)

Oleh itu, sikap menghormati ulama, taat dan beradab dengan mereka adalah sebagai tanda mengangkat syiar agama Islam. Manakala menghina, memandang rendah, mengejek dan seumpamanya adalah sama seperti menghina agama Islam itu sendiri. Maka berhati-hatilah kita daripada sikap tersebut supaya tidak buruk akhlak dan adab terhadap ulama yang *thiqah* (yang dipercayai keilmuannya), serta jangan sampai sikap tersebut membawa kita kepada kemurkaan Allah *Subhanahu wata'ala*.

Semoga perkongsian hadis ini dapat memberi peringatan kepada kita untuk memperbaiki dalam setiap bentuk hubungan sesama manusia agar dapat menjaga keharmonian dan mengelakkan api permusuhan syaitan hadir dalam ikatan hubungan kita semua.

Wallahu a'lam.



جَابِرٌ مُفْتِي سَارَوَكٌ

JABATAN MUFTI SARAWAK